



ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

■

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

Editor:

**Suhaida Abu Bakar
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Siti Aisyah Yusof**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
2021

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM
REALITI SEMASA

Ahmad Yumni Abu Bakar
Md Saufi Abdul Hamid
Mohd Muhaizam Md Ishak
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Nik Liyana Mustapa@Nik Daud
Noor Hidayah Kasim
Siti Aisyah Yusof
Suhaida Abu Bakar

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Cetakan Pertama September 2018
Cetakan Kedua Oktober 2018
Cetakan Ketiga Mac 2019
Cetakan keempat 2021

Reka bentuk dan ilustrasi kulit:
Canva.com

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Senarai Penulis Bab Dalam Buku Ini

Bab 1	Tasawwur Islam <i>Suhaida Abu Bakar</i> <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>
Bab 2	Akidah Sejahtera Ummah Bahagia <i>Muhammad Saiful Islami Mohd Taher</i> <i>Mohd Muhaizam Md Ishak</i>
Bab 3	Indahnya Hidup Bersyariat <i>Noor Hidayah Kasim</i>
Bab 4	Ibadah Membina Insan Berkualiti <i>Md Saufi Abdul Hamid</i>
Bab 5	Akhlak Dalam Perkembangan Masyarakat Islam Kontemporari <i>Siti Aisyah Yusof</i> <i>Nik Liyana Mustapa@Nik Daud</i>

BAB 1

TASAWWUR ISLAM

Suhaida Abu Bakar
Ahmad Yumni Abu Bakar

Objektif Pembelajaran

1. Menghuraikan konsep Islam sebagai ad-deen, skop ajaran Islam dan keperluan manusia beragama
2. Mengenalpasti sumber-sumber ajaran Islam.
3. Menjelaskan keistimewaan ajaran Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, diharapkan pelajar akan dapat:

- Menghuraikan konsep Islam sebagai ad-deen, skop ajaran Islam dan keperluan manusia beragama.
- Mengetahui sumber-sumber ajaran Islam.
- Mengetahui keistimewaan ajaran Islam dalam pelbagai aspek.

1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang benar dan diredhai Allah. Islam mengatur cara hidup yang lengkap dan sempurna. Islam merupakan suatu syariat yang dituntut untuk mengamalkannya, sehingga ia sebati menjadi peraturan hidup yang mesti dihayati oleh setiap manusia. Sistem Islam dibentuk menjadi satu cara hidup (*ad-Deen*) yang universal kerana ia mengandungi nilai-nilai yang diterima dan diamalkan dalam masyarakat. Islam tidak memisahkan agama daripada kehidupan manusia. Islam adalah agama yang lengkap serta memenuhi segala aspek keperluan sosial, politik dan sebagainya. Sistem Islam adalah berasaskan kepatuhan, ketundukan dan penyerahan mutlak kepada Allah SWT.

1.1 ISLAM SEBAGAI AD-DEEN

1.1.1 Pengertian Islam Dari Segi Bahasa

Secara etimologi (ilmu asal usul kata), perkataan “Islam” berasal dari bahasa Arab iaitu *aslama* (*aslama*, *yuslimu*, *islaman*) yang di ambil dari kosa kata “*salima*” bererti selamat dan sentosa. Perkataan *aslama* mengandungi maksud memelihara dalam keadaan selamat, taat, tunduk patuh dan berserah diri (H. Abuddin Nata, 2011). Terdapat beberapa pendapat pada pengertian Islam dari sudut bahasa antaranya:

- 1) Islam berasal dari kata “*as-salm*” yang bererti damai atau kedamaian. Firman Allah SWT:

﴿وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٦١﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka condong kepada perdamaian (*as-salm*), maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

(Surah al-Anfal (8): 61)

Ayat di atas merujuk kepada saranan Islam yang mengajak umatnya kepada keamanan dan kedamaian bukan kepada peperangan, konflik atau kekacauan.

- 2) Islam berasal dari kata “*aslama*” yang bererti berserah diri atau pasrah. Konsep penyerahan diri ini merujuk kepada tindakan hamba Allah dalam melaksanakan apa yang diperintah dan menjauhi segala perkara yang dilarang. Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ١٢٥

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya (**aslama wajhahu**) kepada Allah, sedang diapun mengerjakan kebaikan, dan ia mengikuti agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayanganNya”.

(Surah al-Nisa' (4) : 125)

- 3) Islam berasal dari kata “*istaslama-mustaslimun*” yang bermaksud penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT.

Seorang muslim hendaklah menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah sama ada dari segi jiwa raganya, harta benda dan segala-galanya untuk Allah SWT. Firman Allah SWT:

بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسْلِمُونَ ٢٦

Maksudnya : “Bahkan mereka pada hari itu menyerah diri”.

(Surah al-Saffat (37) : 26)

- 4) Islam berasal dari kata “*saliim*” yang bermaksud selamat dan sejahtera.

Islam sentiasa mengajak dan membawa umatnya kepada keselamatan dan kesejahteraan hidup kerana Islam itu sendiri memberi kesejahteraan yang sebenar. Firman Allah SWT:

قَالَ سَلِمٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا ٤٧

Maksudnya : “Berkata Ibrahim: ‘Semoga keselamatan dilimpahkan kepadamu, aku akan meminta ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dia sangat baik kepadaku’”.

(Surah Maryam (19): 47)

“Islam” adalah nama yang diberikan oleh Allah kepada agama yang diturunkanNya dan nama bagi agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Islam satu-satunya agama yang diredhai dan diiktiraf oleh Allah SWT dan manusia yang menerima Islam sepenuhnya sebagai agama sahaja diterima sebagai hambanyaNya yang taat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

(Surah al-Ma'idah (5): 3)

Ibn Manzur (t.t.) menjelaskan bahawa Islam dari sudut bahasa membawa erti ‘*khudhu*’ iaitu ketundukan dan kepatuhan kepada Allah. Ajil Jasim al-Nashimi (1993) menerangkan bahawa Islam bermaksud ‘*istislam*’ iaitu penyerahan diri hanya kepada Allah. Ia juga membawa maksud ‘*al-inqiyad lillah*’ iaitu ketaatan hanya kepada Allah. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bahkan sesiapa yang menyerah diri kepada Allah, sedangkan ia berbuat kejahatan, maka baginya pahala di sisi tuhan...”.

(Surah al-Baqarah (2): 112)

Secara umumnya, menurut H. Abuddin Nata (2013) pengertian Islam dari segi bahasa membawa kepada dua hubungan iaitu:

Pertama: Pengertian Islam dari segi bahasa berkait rapat dengan tujuan ajaran Islam itu sendiri iaitu membawa kedamaian dan kesejahteraan bagi kehidupan manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu (Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam”.

(Surah al-Anbiya' (21): 107)

Kedua: Pengertian islam dari segi bahasa yakni berserah diri dan taat adalah seiring dengan agama yang dibawa oleh para nabi dan rasul terdahulu untuk kaum-kaum mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. (Ikutilah) agama orang tuamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim dari dahulu”.

(Surah al- Hajj (22) : 78)

Secara rumusnya, perkataan islam membawa tiga makna besar iaitu **“selamat dan terjamin”**, kedua, **“bebas dan bersih”** dan ketiga **“menyembah dan menyerah”**.

1.1.2 Pengertian Islam Dari Segi Istilah

Menurut istilah, Islam adalah ketundukan seorang hamba kepada wahyu Ilahi yang diturunkan kepada para nabi dan rasul khususnya Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan pedoman hidup dan juga sebagai hukum atau aturan Allah SWT yang dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus, menuju kebahagiaan dunia dan akhirat. Islam juga merujuk kepada penyerahan diri yang lengkap dan total kepada Tuhan tanpa ada kompromi serta kehendak hati tanpa di paksa terhadap perintah Tuhan sejak dari Nabi Adam as (Dawud Bell, 1996).

Dari sudut syarak Islam bermakna mentauhidkan Allah SWT patuh, tunduk dan jujur kepadaNya serta beriman dengan ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Islam juga merujuk pada ketaatan kepada Allah SWT dan ketaatan tersebut bukanlah dari paksaan (Ajil Jasim al-Nashimi, 1993). Islam merupakan pedoman hidup

yang paling sempurna serta menjadi petunjuk kepada seluruh kehidupan manusia. Selain itu, Muslim Ibnu al-Hajjaj (t.t.) menerangkan Islam menurut istilah berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

"Islam ialah kamu bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan kamu bersaksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah jika mampu".

Nama Islam bagi agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada umatnya bukanlah rekaan tetapi adalah ketetapan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا


Maksudnya: "... dan Aku telah relakan Islam menjadi agama untuk kamu"

(Surah al-Maidah (5) : 3)

Ini bererti Muslim sejati bukan sekadar mengucapkan dua kalimah syahadah sahaja, akan tetapi melaksanakan seluruh kefarduan yang disyariatkan oleh agama. Oleh yang demikian, Islam merupakan kepatuhan, ketundukan, ketaatan hanya kepada Allah SWT semata-mata, bukan dengan paksaan.

1.1.3 Keperluan Manusia Kepada Agama

Manusia dan agama tidak dapat dipisahkan. Manusia tidak boleh dibiarkan hidup tanpa aturan dan panduan yang lengkap. Agama menjadi aturan yang sempurna bagi umat Islam. Oleh itu, manusia amat memerlukan agama. Antara faktor-faktor yang menyebabkan manusia berhajat kepada agama adalah seperti berikut:



a) Kelemahan akal manusia

Manusia dikurniakan akal fikiran untuk membezakan antara baik dan buruk. Namun akal tidak mampu menganalisa perkara-perkara yang ghaib seperti syurga dan neraka, roh, malaikat dan sebagainya. Meskipun kini ilmu pengetahuan dan teknologi berkembang dengan pesat, namun manusia tetap memerlukan agama. Ilmu pengetahuan dan teknologi tidak dapat memberi jawapan terhadap pertanyaan mengenai makna dan tujuan hidup manusia, yang hanya boleh dijawab oleh agama. Manusia tidak boleh terlalu taksud dengan kesempurnaan akal fikirannya kerana

hakikatnya akal fikiran manusia itu lemah. Oleh itu, manusia memerlukan bimbingan agama untuk menjelaskan perkara-perkara *ghaibiyat*. Sebagai contoh, Allah menjelaskan kejahilan manusia tentang hakikat roh dengan firmanNya :

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ٨٥

Maksudnya: "Mereka bertanya kamu tentang roh, katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Roh itu adalah urusan Tuhanku. Dan tidak Aku berikan ilmu kecuali sedikit".

(Surah al-Isra' (17): 85)

b) Kesesuaian Islam dengan fitrah manusia

Fitrah dari etimologi iaitu "*fatoro*" dalam bahasa Arab bererti membuka. Ia membawa maksud asal kejadian, keadaan suci dan kembali ke asal. Justeru, Islam merupakan satu agama yang sesuai dengan fitrah semulajadi manusia kerana segala tuntutan naluri manusia dapat dipenuhi dalam ajaran Islam. Sebagai contoh, dalam soal perkahwinan, soal makanan dan minuman yang halal dan tidak mudarat, soal menutup aurat demi menjaga maruah, kehormatan dan keselamatan diri sama ada lelaki atau wanita. Oleh itu, tujuan beragama adalah sebagai panduan hidup, sokongan dan menjawab segala persoalan metafizik.

Dalam pandangan Islam, keberagamaan adalah fitrah sesuatu yang melekat pada diri manusia dan terbawa sejak kelahirannya. Oleh kerana agama adalah fitrah yang sesuai dengan jati diri, maka ia pasti dianuti oleh manusia, walaupun bukan sejak muda, boleh jadi menjelang akhir usianya ia akan mencari agama juga. Islam merupakan satu agama yang sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Justeru, ia dapat dibuktikan bahawa segala tuntutan naluri manusia dapat dipenuhi oleh Islam.

Terdapat agama lain melarang para pendeta atau rahib daripada berkahwin sedangkan Islam memberi kebenaran kepada para imam dan pendakwah untuk berkahwin. Selain itu, Islam juga menetapkan hukum ke atas segala perkara tentang halal dan haram untuk kebaikan manusia. Firman Allah SWT:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٣٠

Maksudnya: "Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu, tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

(Surah al-Rum (30): 30)

c) Kesempurnaan Islam

Islam adalah agama syumul (sempurna) yang membincangkan semua aspek kehidupan manusia dari aspek yang paling kecil sehinggalah aspek yang paling besar. Islam juga membincangkan segala hal urusan duniawi sama ada sains dan teknologi, sosial hidup dan kemasyarakatan serta segala urusan ukhrawi. Di samping itu, Islam sangat menyeluruh dan meliputi segala aspek kehidupan serta memahami naluri dan keinginan manusia. Islam adalah satu-satunya agama yang tetap, sesuai untuk diamalkan dan diikuti sepanjang zaman. Pepatah Melayu menyatakan “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT bermaksud:

“Tidak Kami tertinggal di dalam al-Kitab (al-Qur’an) walau satu apapun”.

(Surah al-An’am (6): 38)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

“Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNya lah menyerahkan diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa, dan hanya kepada Allah mereka dikembalikan”.

(Surah Ali ‘Imran (3): 83)

1.1.4 Matlamat penciptaan manusia

Allah SWT menciptakan pelbagai makhluk di alam dunia dengan pelbagai tujuan dan peranannya tersendiri. Allah SWT menciptakan manusia dari sari pati tanah lalu menjadi nutfah, alaqah dan mudqah sehingga menjadi makhluk yang paling sempurna yang memiliki berbagai kemampuan. Antara tujuan utama penciptaan manusia ialah :

Pertama untuk menyembah Allah SWT sebagai Pencipta yang Maha Agung yang melahirkan peranan manusia sebagai hamba Allah. Penyembahan manusia kepada Allah SWT adalah merujuk kepada ketundukan manusia kepada hukum dan peraturan Allah SWT dalam kehidupan di muka bumi. Penyembahan manusia terhadap Allah secara total adalah secara sukarela tanpa ada unsur paksaan kerana Allah tidak meminta balasan dalam apa jua bentuk. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu.”

(Surah al-Dzaariyaat (51): 56-57)

Penyembahan yang sempurna oleh manusia akan menjadikan dirinya sebagai khalifah Allah di muka bumi dalam mengelola alam semesta di mana keseimbangan alam akan terjaga dengan hukum dan peraturan yang telah Allah tetapkan.

Kedua untuk menjadikan manusia sebagai khalifah. Khalifah merujuk kepada manusia memperoleh mandat dari Tuhan untuk mewujudkan kemakmuran di muka bumi. Kekuasaan yang diberikan bersifat kreatif yang memungkin manusia mengolah apa yang ada di muka bumi untuk kepentingan hidupnya sesuai dengan ketentuan yang di tetapkan oleh Allah. Tugas sebagai khalifah di muka bumi mencakupi semua ruang lingkup kehidupan manusia. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:” Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”

(Surah al-Baqarah (2): 30)

1.1.5 Islam Sebagai Ad-Deen

Muhammad Hamdi Zaquq (2003) menjelaskan ad-deen dari sudut bahasa berasal dari kata akar *“Dana, Yadinu, Dinan”* yang bermaksud pemerintahan, pentadbiran, perkiraan, pembalasan, kepatuhan dan ketaatan, peraturan serta cara hidup. Manakala dari sudut istilah pula, beliau mentakrifkannya sebagai satu cara hidup yang merangkumi kepercayaan dan keyakinan, tingkahlaku dan tindakan serta amalan seseorang. Ia meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.

Perkataan ad-deen itu sendiri pada hakikatnya mencakupi skop yang lebih luas dalam urusan kehidupan manusia di dunia dan juga akhirat. Istilah ad-deen berkisar kepada empat elemen penting iaitu:

- a) Kekuasaan Yang Maha Mutlak (hanya kepada Allah SWT).
- b) Penyerahan diri zahir dan batin yang disertai dengan ketaatan dan kesetiaan kepada kekuasaan yang Maha Mutlak.
- c) Iman dan amalan di bawah pengawasan yang Maha Mutlak.
- d) Ganjaran yang diberikan sama ada baik atau buruk dari pihak Yang Maha Mutlak (iaitu Allah SWT).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2013) menjelaskan istilah ad-deen pada umumnya bermaksud agama bukanlah sama tafsiran dengan maksud agama (religion) sepertiman yang ditafsirkan dalam sejarah keagamaan Barat. Malah istilah ad-deen menyeluruh semua pada semua makna dan dasar dengan mencerminkan Agama Islam agama yang sempurna. Menurut beliau istilah din dapat rumuskan kepada empat makna yang mengandungi maksud:

- a) Keadaan berhutang
- b) Keadaan takluk menyerah diri
- c) Kuasa dan daya menghukum dan memeberi perti,nangan
- d) Kecenderungan yang ada pada diri insan atau kebiasaan yang menjadi adat resam

Menurut Mohd Asri Abdullah et al. (2006), agama-agama selain dari agama Islam tidak mendapat tempat di sisi Allah SWT. Sesiapa yang menganut dan mempercayai selain dari apa yang diajar di dalam Islam, maka mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi di dunia dan akan mendapat pembalasan buruk di akhirat kelak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan pada hari akhirat kelak dari kalangan orang-orang yang rugi”.

(Surah Ali ‘Imran (3): 85)

Konsep pertama Islam sebagai agama dapat difahami melalui keyakinan iktikad bahawasanya Islam adalah agama yang sebenar-benarnya di sisi Allah dan amalan dalam ajarannya adalah dikira sebagai ibadat. Manakala bagi agama selain Islam seperti agama Kristian, pemahaman kepada konsep agama ialah percaya kepada tuhan dan amalan dalam ajarannya dianggap sebagai budaya. Manakala konsep agama menurut pemahaman Melayu merujuk kepada tuhan dan amalannya dianggap sebahagian dari adat.


	Barat	Melayu	Qur’ani
<i>Istilah</i>	<i>Religion</i>	Agama	<i>Ad-deen</i>
<i>Konsep</i>	Kepercayaan kepada tuhan	Kepercayaan kepada tuhan	Kepercayaan dan iktikad sepenuh hati kepada Allah
<i>Amalan</i>	Budaya	Adat	Ibadat

Konsep kedua ialah Islam sebagai cara hidup merujuk kepada cara hidup yang menyeluruh dan mengatur semua bahagian kehidupan. Tidak ada kegiatan manusia yang tiada peraturan Islam di dalamnya. Islam adalah cara hidup manusia yang didatangkan oleh Allah. Cara hidup Islam ditentukan berasaskan ilmu berbanding dengan sistem lain dan cara hidup manusia yang berasaskan kejahilan. Oleh sebab Allah yang menentukan sistem kehidupan, maka sistem itu sempurna dan serasi dan sesuai dengan tabiat semulajadi manusia (Haron Din, 2007). Masyarakat yang tidak meletakkan Islam sebagai cara hidup pastinya kucar kacir, porak peranda dan gagal mencapai kejayaan dan kesejahteraan hidup.

Konklusinya, makna ad-deen ialah satu cara hidup atau peraturan hidup. Islam adalah satu-satunya cara hidup yang diredai Allah SWT dan ia merangkumi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia serta hubungan manusia dengan alam sekeliling.

1.2 SKOP AJARAN ISLAM

Islam memiliki asas ajaran yang mencakupi aspek akidah, syariah dan akhlak. Ketiga-tiga elemen ini jika dihayati akan melahirkan insan yang sempurna dari aspek rohani dan jasmani. Islam berjalan berdasarkan asas-asas dan sistem kehidupan yang kukuh. Setiap perlakuan manusia akan dinilai berdasarkan asas-asas dan dasar-dasar yang telah disepakati oleh ulama' Islam.



a) Akidah

Akidah dari sudut bahasa berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud ikatan, tetap, percaya; kukuh, pegangan dan keyakinan. Akidah di dalam agama ialah iktikad semata-mata dan tidak termasuk amalan kerana akidah ialah apa yang diyakini oleh seseorang di dalam hatinya dengan keyakinan yang putus sama ada benar ataupun salah (Fathi Yakan, 1995).

Dari sudut istilah pula, akidah ialah perkara-perkara yang wajib diyakini dengan hati, jiwa menjadi tenang dengannya sehingga terjadi keyakinan yang utuh dan tidak bercampur dengan keraguan dan kesangsian. Akidah Islamiyyah bermaksud "kepercayaan yang teguh terhadap *rububiyah* Allah Taala dan *uluhiyyah*Nya, nama-namaNya, sifat-sifatNya, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, *qadar* baik dan buruk dan semua yang *thabit* dalam masalah *ghaibiyyat* dan usuluddin yang disepakati oleh salafussoleh. Akidah meliputi ketaatan yang total kepada Allah Ta'ala seperti suruhanNya dan hukum-hukumNya. Ia juga merangkumi ketaatan kepada RasulNya SAW (Ahmad Abu Sa'adat, 1983).

Terdapat enam elemen yang menjadi asas kepada akidah Islam iaitu:

- i. Keimanan kepada Allah
- ii. Keimanan kepada malaikat
- iii. Keimanan kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah
- iv. Keimanan kepada para rasul yang diutuskan oleh Allah
- v. Keimanan mengenai kewujudan hari akhirat
- vi. Keimanan kepada qada' dan qadar

b) Syariah

Syariah Islam ialah satu perundangan dan peraturan yang diturunkan oleh Allah SWT melalui wahyuNya kepada Nabi Muhammad SAW yang bertujuan mengatur kehidupan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara, merangkumi permasalahan ibadah, muamalah, kekeluargaan dan jenayah. Permasalahan ibadah yang dimaksudkan adalah yang berkaitan dengan hubungan antara seseorang hamba dengan Tuhan seperti solat, puasa, zakat dan haji.

Manakala muamalah pula bermaksud setiap perkara yang membabitkan hubungan sesama manusia dalam urusan perekonomian (jual-beli, sewa-menyewa, saham, gadaian dan sebagainya). Sistem politik juga termasuk di dalam skop syariah seperti pentadbiran, keselamatan, keamanan, pendidikan dan sebagainya. Keseluruhan segala urusan yang disebutkan mestilah berlandaskan kepada ajaran tauhid yang sebenar (al-Qaradawi, 1997).

c) Akhlak


Al-Ghazali (1976) menjelaskan akhlak ialah suatu keadaan yang wujud dalam sanubari seseorang insan yang menerbitkan sesuatu tindakan dengan mudah tanpa teragak-agak. Ia adalah kebiasaan yang dilakukan oleh seseorang sama ada baik atau buruk. Jika baik dikatakan akhlak terpuji, jika sebaliknya disebut akhlak tercela.

Ia membabitkan hubungan dengan Allah, seperti redha, syukur, warak, sabar dan ikhlas. Manakala hubungan sesama manusia seperti adil, amanah, toleransi, pemurah, penyabar dan penyayang dan hubungan dengan bukan manusia seperti adil dan penyayang (Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad & Nik Kamaliah Bt Nik Abdullah, 2006).

Masyarakat Madinah yang diasaskan oleh baginda Rasulullah SAW menjadi contoh masyarakat yang tinggi dan mulia akhlaknya. Kehidupan mereka damai dan mendapat perlindungan Allah SWT (Mohd Asri Abdullah, et al., 2006). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka”.

(Surah al-Baqarah (2): 201)



1.3 SUMBER-SUMBER AJARAN ISLAM

Setiap perkara yang dibawa oleh Islam sememangnya mengandungi sumber-sumbernya yang jelas. Islam tidak wujud dengan semborono sahaja atau dengan kekuatan akal manusia kemudian diolah menjadi sumber amalan dan perundangan dalam kehidupan manusia sepertimana yang berlaku di Barat. Sumber ajaran dan hukum Islam dibahagikan kepada dua kategori iaitu sumber primer atau sumber asasi iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Manakala sumber sekunder atau sumber tafsiran yang disepakati ialah

ijmak dan qiyas. Sesetengah ulama' berpendapat bahawa sumber qiyas dinamakan sebagai sumber ijtihad. Perbincangan hanya akan menyentuh empat sumber ini sahaja iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan qiyas.

1.3.1 Al-Qur'an

Al-quran merupakan sumber hukum pertama dalam ajaran Islam di mana segala persoalan dan permasalahan akan dirujuk padanya. Maksud al-Quran sebagai sumber adalah al-Quran dijadikan sebagai landasan nilai bagi orang Islam dalam menentukan hukum suatu tindakan, menjelaskan segala hakikat hubungan manusia dengan Penciptanya, sesama manusia dan alam.

Muhammad Hamdi Zaquq (2003) menerangkan dari sudut bahasa kalimah al-Qur'an berasal dari kata terbitan *qara'a* yang bererti baca. Secara terminologi al-Qur'an dari sudut istilah pula ialah kalam Allah Ta'ala yang *mu'jiz*, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, ia ditulis pada mushaf. Menurut para ulama', al-Qur'an ialah kalamullah yang diturunkan kepada Rasulullah dalam bahasa Arab, merupakan mukjizat dan diriwayatkan secara mutawatir serta membacanya adalah ibadah.

a) Nama-Nama al-Qur'an

Al-Qur'an mempunyai pelbagai nama seperti *al-Furqan*, *al-Kitab*, *al-Dhikr*, *al-Tanzil*, *al-Bayan*, *al-Karim*, *al-Huda*, *al-Nur* dan lain-lain yang jumlahnya sehingga 51 jenis nama. Nama-nama tersebut berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an seperti berikut:

- i) ***Al-Furqan*** : Iaitu membezakan antara yang hak dan yang batil. Ini dapat dilihat pada firman Allah SWT:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ۝١

Maksudnya: "Maha Suci Allah yang telah menurunkan *al-Furqan* (*al-Qur'an*) kepada hambaNya, agar dia menjadi pemberi peringatan kepada seluruh alam".

(Surah al-Furqan (25): 1)

- ii) ***Al-Kitab*** : Firman Allah SWT:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۝١

Maksudnya: "Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya *al-Kitab* (*al-Qur'an*) dan Dia tidak mengadakan kebengkokan di dalamnya (tidak ada dalam *al-Qur'an* itu makna-makna yang berlawanan dan tidak ada penyimpangan dari kebenaran)".

(Surah al-Kahfi (18): 1)

- iii) **Al-Dhikr** : Bermaksud peringatan. Firman Allah yang bermaksud:

وَإِنَّهُ لَدِكْرٌ لَّكَ وَلِقَوْمِكَ وَسَوْفَ تُسْأَلُونَ ٤٤

Maksudnya: "Dan sesungguhnya al-Qur'an itu benar-benar adalah suatu kemuliaan besar bagimu dan bagi kaummu dan kelak kamu akan diminta pertanggungjawaban".

(Surah az-Zukhruf (43): 44)

- iv) **At-Tanzil** : Bermaksud penurunan. Firman Allah SWT:

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ١٩٢

Maksudnya: "Dan sesungguhnya al-Qur'an ini benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam".

(Surah al-Syu'ara' (26): 192)

- v) **Al-Huda** : Bermaksud petunjuk. Firman Allah SWT:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا الْهُدَى ءَامَنَّا بِهِ ءَفَمَّن يُؤْمِنُ بِرَبِّهِ ءَفَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ١٣

Maksudnya: "Dan sesungguhnya kami tatkala mendengar petunjuk (al-Qur'an), kami beriman kepadanya. Barangsiapa beriman kepada Tuhannya, maka ia tidak takut akan pengurangan pahala dan tidak (takut pula) akan penambahan dosa dan kesalahan".

(Surah al-Jin (72): 13)

- vi) **Al-Mau'izah** : Bermaksud pelajaran atau nasihat. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ
لِّلْمُؤْمِنِينَ ٥٧

Maksudnya: "Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman".

(Surah Yunus (10): 57)

vii) **Asy-Syifa'** : Maksudnya penyembuh. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ
لِّلْمُؤْمِنِينَ ٥٧

Maksudnya: "Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman."

(Surah Yunus (10): 57)

Kesimpulannya, al-Qur'an mempunyai pelbagai nama yang indah. Nama-nama tersebut menggambarkan keagungan dan kehebatan al-Qur'an itu sendiri.

b) Kandungan al-Qur'an

Al-Qur'an mengandungi seluruh persoalan yang berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu mengenai kepercayaan, ibadah, muamalah, akhlak, hukum-hakam, sains dan teknologi dan sebagainya. Hal ini dirakamkan di dalam al-Qur'an:

"Tiada Kami tinggalkan sesuatupun di dalam kitab al-Qur'an ini; kemudian pada Tuhanlah mereka dihimpunkan".

(Surah al-An'am (6): 38)

Di samping itu, al-Qur'an juga mengandungi 6236 ayat dalam 114 surah yang membicarakan mengenai segenap aspek antaranya:

- i. Akidah : al-Ikhlâs : 1-4 dan lain-lain.
- ii. Syariat : al-Ahzab : 36, al-Jathiyah : 18, al-Syura dan lain-lain.
- iii. Akhlak : al-Syams: 9-10, al-Ahqaf : 15 dan lain-lain.
- iv. Politik : al-Haj : 41 dan lain-lain.
- v. Ekonomi : al-Anfal : 41 dan lain-lain.
- vi. Jihad : Ali 'Imran : 110 dan lain-lain.

Antara kandungan al-Qur'an ialah:

- i) Tauhid : kepercayaan terhadap keesaan Allah dan semua kepercayaan yang berhubungan denganNya.

- ii) Ibadah : semua bentuk perbuatan sebagai manifestasi dari kepercayaan tauhid.
- iii) Janji dan ancaman (*al-wa'd wa al-wa'id*): janji pahala bagi orang yang percaya dan mengamalkan isi al-Qur'an dan ancaman siksa bagi orang yang mengingkarinya.
- iv) Kisah-kisah umat terdahulu, seperti para nabi dan rasul dalam menyampaikan risalah Allah di samping kisah orang-orang soleh ataupun orang yang mengingkari kebenaran al-Qur'an agar dapat dijadikan teladan bagi umat setelahnya.
- v) Berita tentang zaman yang akan datang iaitu zaman kehidupan akhir manusia yang disebut sebagai kehidupan akhirat.
- vi) Prinsip-prinsip ilmu pengetahuan, yakni informasi-informasi tentang manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, langit, bumi, matahari dan lain sebagainya (Ali Anwar Yusuf, 2003).

c) Kelebihan al-Qur'an dari pelbagai aspek:

- i. Keindahan gaya bahasanya dari bahasa Arab tiada tandingan. Jika dibandingkan dengan syair dan sastera Arab, bahasa al-Qur'an mempunyai kelebihan dari segi kefasihan lafaz-lafaznya, gaya bahasa yang indah dan mengagumkan.
- ii. Pemberitahuan mengenai sesuatu peristiwa yang akan berlaku sebelum ia berlaku dan peristiwa tersebut benar-benar berlaku sebagaimana dikhabarkan.
- iii. Perkhabaran mengenai peristiwa silam yang tidak pernah diketahui oleh bangsa Arab dan tidak terdapat kesan-kesan sejarahnya di Semenanjung Tanah Arab.
- iv. Kandungannya meliputi pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Selain itu, al-Qur'an memiliki bukti-bukti ilmiah mengenai penciptaan langit dan bumi, permulaan kejadian manusia, matahari, bulan dan sebagainya.

1.3.2 Al-Sunnah

Said Ismail al-Qadhi (2003) menjelaskan dari sudut bahasa, al-Sunnah membawa erti jalan. Manakala dari sudut istilah, ia bermaksud setiap apa yang dilakukan oleh Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat keperibadian. Sesungguhnya Sunnah Nabawi tidak sesekali bertentangan dengan al-Qur'an al-Karim. Ia berperanan bagi menjelaskan apa yang datang daripada al-Qur'an berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

“Dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Qur’an) menurut kemauan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)”.

(Surah al-Najm (53): 3-4)

Selain itu, al-Sunnah berfungsi bagi menguatkan sebarang perkara yang datang dari al-Qur’an al-Karim dan ia menjelaskan secara terperinci bagi ayat al-Qur’an yang tidak jelas maksud serta ia mengkhususkan sesuatu perkara yang umum (Said Ismail al-Qadhi, 2003).

1.3.3 Ijmak

Ijmak ialah kata sepakat para mujtahid dari kalangan umat Nabi Muhammad SAW pada satu-satu masa tertentu selepas kewafatan baginda, mengenai sesuatu hukum syarak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Qur’an) dan Rasul (al-Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.

(Surah al-Nisa’ (4): 59)

Ayat ini menjelaskan sekiranya berlaku perselisihan pendapat tentang sesuatu masalah hendaklah dirujuk kepada al-Qur’an dan al-Sunnah. Jika tidak berlaku perselisihan pendapat, itulah ijmak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Umatku tidak akan bersepakat dalam perkara salah”*, dan sabda baginda lagi: *“Umatku tidak akan bersepakat dalam perkara sesat”*.

1.3.4 Qiyas

Qiyas ialah meletakkan hukum ke atas sesuatu perkara yang masih belum ada hukumnya berdasarkan kepada perkara yang telah sabit hukumnya di dalam al-Qur’an mahupun al-Sunnah kerana terdapat persamaan dari segi ‘illahnya yakni alasan yang ada pada hukum tersebut. Seperti meletakkan hukum wajib zakat pada padi kerana persamaan yang wujud antara padi dan gandum yang merupakan makanan asasi bagi sesebuah negara. Seperti juga meletakkan hukum haram kepada dadah kerana ada persamaan yang wujud dengan arak yang menyebabkan mabuk dan mengkhayalkan.

Sebenarnya terdapat banyak dalil yang menunjukkan qiyas sebagai salah satu sumber syariat Islam, antaranya firman Allah yang bermaksud:

“Maka jadilah (kejadian itu) untuk menjadi pelajaran, wahai orang yang mempunyai akal fikiran”.

(Surah al-Hasyr (59): 2)

1.4 KEISTIMEWAAN ISLAM

Agama Islam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Antara keistimewaan Islam berbanding *millah-millah* (agama-agama) yang lain adalah *Rabbaniyyah*, *al-Tawazun*, *Wasatiyyah*, *Waqi'iyah*, *'Alamiyyah* dan *syumul*.

1.4.1 Ketuhanan (*Rabbaniyyah*)

Abdul Karim Zaidan (1992) menerangkan keistimewaan Islam iaitu *Rabbani* yang membawa maksud Islam datang daripada Allah. Selain itu, sumber ajaran Islam dan hukum-hakam serta segala peraturan diwahyukan oleh Allah kepada Rasulullah yang mulia; melalui lafaz dan makna dinamakan al-Qur'an. Manakala dalam bentuk makna sahaja dan dalam bukan bentuk lafaz dinamakan al-Sunnah. Justeru Islam mempunyai keistimewaan yang amat berbeza daripada seluruh undang-undang yang direka oleh manusia.

Sesungguhnya al-Qur'an datang daripada Allah dan ia merupakan mukjizat. Seluruh ayat al-Qur'an daripada Allah dan Islam juga merupakan agama yang datang daripada Allah SWT sepertimana firmanNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu Kitab (al-Qur'an) dengan (membawa) kebenaran. Maka sembahlah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya".

(Surah az-Zumar (39): 2)

Firman Allah SWT lagi maksudnya:

"Turunnya al-Qur'an yang tidak ada keraguan di dalamnya, (adalah) dari Tuhan semesta alam".

(Surah as-Sajdah (32): 2)

1.4.2 Keseimbangan (*al-Tawazun*)

Dalam Islam, konsep *al-tawazun* bukan bermakna persamaan dari semua sudut atau persamaan dari semua aspek. Tetapi *al-tawazun* yang dimaksudkan ialah keseimbangan yang memenuhi keperluan sebenar sesuatu itu secara sempurna dalam bentuknya yang adil, iaitu dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar. Misalnya antara tuntutan dunia dengan tuntutan akhirat tidak sama kerana keperluan dunia bersifat sementara (jangka pendek) manakala keperluan akhirat bersifat kekal (jangka panjang). Oleh itu, tidak mungkin kita mencapai persamaan, tetapi kita mungkin mencapai keseimbangan (*al-tawazun*) antara dua kehidupan tersebut. Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".

(Surah al-Baqarah (2): 201)

Seorang muslim hendaklah berusaha mencapai kebaikan di dunia dengan sempurna di samping berusaha juga mencapai kebaikan di akhirat secara sempurna. Namun, jenis kebaikan yang diperoleh tentulah tidak sama antara dunia dan akhirat. Usaha ke arah mencapai kesempurnaan itu hendaklah berada pada tahap yang seimbang.

1.4.3 Kesederhanaan (*Wasatiyyah*)

Intisari gagasan wasatiyyah Islam terkandung dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan demikianlah kami menjadikan kamu “umat pertengahan” (ummatan wasatan) agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”.

(Surah al-Baqarah (2): 143)

Dalam tafsiran lain, ia bermaksud: *“Thus have We made of you and Ummah, justly balanced, that you might be witness over the nation”* (Zainal Kling, 2012).

Islam menyuruh umatnya supaya mengamalkan kesederhanaan (*wasatiyyah*) dalam kehidupan. Kesederhanaan bukan bererti ketidaksempurnaan, tetapi bermakna melakukan sesuatu dengan sempurna, cukup syarat-syaratnya, mematuhi peraturan dan prosedur. Kesederhanaan merujuk kepada sikap atau perbuatan tidak melampau dalam sesuatu perkara atau sesuatu perbuatan. Sekiranya seseorang melakukan ibadat kepada Allah secara berterusan tanpa menunaikan tanggungjawab sebagai manusia untuk memenuhi keperluan hidup sehingga terpaksa mengharap kepada bantuan orang lain, maka ia dianggap melampau.

Perbandingan antara Wasatiyyah dan *Moderation*

Menurut Zainal Kling (2012), gagasan *moderation* (kesederhanaan) merupakan satu gagasan yang menjadi kebiasaan dalam pemikiran di Eropah. Gagasan ini muncul melalui tafsiran Aristotle seorang sarjana ilmu pada zaman Yunani. Kini gagasan ini terkenal sebagai *“moderation in all things”* sepertimana terdapat dalam karya Nicomachean Ethics yang membawa maksud *mean*. Etika ini berkisar di sekitar gagasan *mean* atau titik pertengahan di antara suatu titik melampau dengan kekurangan.

1.4.4 Realiti (*Waqi'iyah*)

Antara ciri kesejagatan Islam ialah *waqi'iyah*, iaitu bersifat praktikal atau berpijak di alam nyata serta boleh dilaksanakan. Bermula dari konsep ketuhanan sehinggalah kepada konsep-konsep lain seperti kehidupan bermasyarakat dan bernegara, semuanya berpandukan kepada ajaran Islam yang sentiasa relevan.

Oleh itu, Islam menggesa umat manusia untuk menggunakan akal untuk berfikir dan merenung pada kebesaran dan kehebatan penciptaan Allah. Dalam hal ini Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud:

“Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu supaya kamu berfikir”.

(Surah al-Baqarah (2) : 266)

Maka dapatlah dirumuskan bahawa Islam merupakan agama yang benar dan bukannya agama yang bersifat khayalan sepertimana agama-agama lain yang hanya bersumberkan kepada falsafah dan logik akal.

1.4.5 Universal (*'Alamiyyah*)

Agama Islam tidak terbatas kepada masa dan generasi. Ia tidak juga terbatas kepada satu tempat atau satu umat, bangsa atau hanya eksklusif untuk masyarakat tertentu sahaja. Islam adalah risalah sejagat yang merangkumi setiap umat, setiap jenis manusia, setiap bangsa yang ada. Maka tidak wujud konsep bangsa pilihan yang mendakwa bahawa bangsanyalah pilihan Tuhan dan seluruh manusia mesti tunduk kepadanya sepertimana yang difahami oleh bangsa Yahudi.

Sesungguhnya Islam adalah risalah untuk manusia seluruhnya, bukan untuk kepentingan satu golongan daripada mereka dan tidaklah menjadi hak monopoli satu golongan tertentu untuk memahamkan, menafsirkan serta mendakwahkan Islam seperti yang disalahfahamkan oleh sesetengah orang. Sesungguhnya ia adalah hidayah Tuhan kepada setiap manusia dan rahmat Allah kepada setiap hambaNya (al-Qaradawi, 1997). Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutusmu melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam”.

(Surah Al-Anbiya' (21): 107)

Antara prinsip-prinsip *'Alamiyyah* ialah:

- a) Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian.

Manusia dijadikan daripada keturunan Nabi Adam dan Hawa. Kemuliaan penciptaan ini terletak kepada anugerah akal fikiran yang dipandu wahyu Ilahi. Kejadian manusia dari asal yang sama ini menunjukkan persamaan taraf antara satu sama lain. Justeru, kemampuan manusia untuk beribadat dan bekerja adalah sama tanpa mengira kaum atau jantina.

- b) Nilai keadilan Islam bersifat sejagat.

Keadilan dalam Islam tidak terikat kepada keturunan, jantina, warna kulit atau semapadan geografi. Keadilan Islam meliputi semua bidang kehidupan dari urusan rumahtangga sehingga urusan negara.

- c) Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Kehadiran Islam kepada manusia adalah untuk membentuk kehidupan yang penuh dengan kebajikan, kebenaran dan kebaikan. Justeru, Islam menggalakkan umatnya melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran seiring dengan menegakkan kebenaran.

1.4.6 Lengkap (Syumul)

Agama Islam bersifat syumul dan lengkap. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Pada hari ini Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku sempurnakan atas kamu nikmatKu, dan Aku redha bagi kamu Islam sebagai ad-deen...”

(Surah al-Ma'idah (5) : 3)

Kesyumulan Islam merangkumi segala aspek dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara sama ada dalam bidang akidah, akhlak, muamalah, jenayah dan sebagainya. Justeru, sifat ini membezakan Islam dengan sistem-sistem atau agama yang lain yang mengatur sebahagian perkara dalam kehidupan sahaja dan tidak menyeluruh.

Prinsip-prinsip kesyumulan Islam:

- i. Kesempurnaan hanya milik Allah SWT. Manusia hambaNya yang ditugaskan untuk beribadat kepadaNya dan bersifat lemah.
- ii. Semua makhluk yang hidup terikat pada tempat, masa dan ruang tertentu.
- iii. Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi. Justeru Allah bekalkan kepada manusia akal fikiran dan syariat yang teratur kepada manusia. Ia merangkumi tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul sesuai dengan keadaan dirinya sebagai hamba yang mengabdikan diri kepadaNya.

1.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, beragama merupakan fitrah semulajadi yang telah dikurniakan oleh Allah SWT di dalam sanubari setiap manusia. Sekiranya manusia itu suci jiwanya sejak awal kelahirannya, maka dia akan dapat mengenali Allah SWT Tuhan pencipta alam ini. Manakala apabila manusia itu kotor jiwanya dan melakukan maksiat maka dia akan berada di dalam kesesatan dan kemurkaan Tuhan. Oleh itu, Islam menyeru umatnya supaya kembali ke jalan agama agar dapat melayari bahtera dunia dan akhirat serta mendapat keredhaan daripadaNya. Maka jelaslah bahawa agama Islam merupakan *ad-deen* yang diturunkan oleh Allah amat sesuai dengan fitrah manusia dan sebagai panduan di dalam segenap aspek kehidupan sama ada yang bersifat keduniaan dan keakhiratan. Ia menjamin kebahagiaan yang berterusan sama ada di dunia dan juga akhirat kepada semua penganutnya yang taat.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (1992). *Usul Dakwah*. Iraq: Maktabah al-Quds.
- Abu Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali. (1976). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Mu'assasat al-Halabi wa Syurakah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Abuddin Nata.H. (2011). *Studi Islam Komprehensif*. Jakara;: Kencana Prenada Media Group
- Ahmad Abu Sa'adat. (1983). *Dirasat fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Ajil Jasim al-Nashimi. (1993). *Islam wa al-Turath al-Islamiyyah*, bil.19, Kuwait: *Majallah al-Shari'ah wa al-Dirasat Islamiyyah*.
- Ali Anwar Yusuf. (2003). *Studi Agama Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Fathi Yakan. (1995). *Al-Mutaghayyirah al-Dawlah wa al-Dawr al-Islami al-Matlub*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Hammudah 'Abd. 'Ati. (1997). *Islam in Focus*. Edisi ke-3. Beltsville, Maryland, USA: Amana Publication.
- Haron Din. (2007). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. Selangor: PTS Millenia.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram al-Afriqi al-Misri. (t.t.) *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamaruddin Md Daud, Zawawi Temyati, Ahmad Jailani Sidek, Mohd Shukran Abdul Razak et al. (2006). *Prinsip-Prinsip Asas Islam: Islam dan Akidah*. Shah Alam: UPENA.
- Muhammad Hamdi Zaquq. (2003). *Al-Mausu'ah al-Islamiyyah al-'Ammah*. Kaherah: Wazirah al-Awqaf.
- Muslim Ibnu al-Hajjaj. (t.t.). *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad & Nik Kamaliah Bt Nik Abdullah. (2006). *Catatan Ringkas Perbincangan Mengenai Tamadun*. Shah Alam: UPENA.
- Said Ismail al-Qadhi. (2003). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Alam al-Kutub.
- Yusuf al-Qaradawi. (1997). *Shariah al-Islam Salihah li al-Tatbiq fi Kulli Zaman wa Makan*. Kaherah: Dar al-Salam.
- _____. (2010). *Islam an Introduction*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Zainal Kling. (2012). *Wasatiyyah Dari Perspektif Islam*, dalam *Islam dan Wasatiyyah*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.